

10/03/2002

Keadilan tiada keistimewaan: Azam

Jamhariah Jaafar

ISU beberapa tokoh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) keluar parti bukan perkara baru. Parti yang dibentuk ketika kemelut politik 1999, ternyata tidak memenuhi janji kepada ahli-ahli untuk memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Terbaru, Pengerusi Keadilan Wilayah Persekutuan, Zainur Zakaria. Peguam itu enggan mengulas lanjut kekecewaannya di dalam parti itu. Bagaimanapun, terdahulu daripada Zainur beberapa ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) yang pernah menyandang jawatan penting dalam Keadilan turut menghilangkan diri. Ikuti wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dengan Presiden Abim, Ahmad Azam Abdul Rahman, yang menjadi jurucakap kepada kumpulan Abim yang kecewa dengan perjuangan Keadilan.

BOLEH ceritakan bagaimana Abim boleh terbabit dalam politik pada hal sebelum itu bersikap tidak memihak?

Orang menyaksikan Abim ini berdasarkan orang-orangnya, pada hal dasar itu lain. Dasar Abim sebagai non partisan itu `intact'. Pendirian tidak memihak bermakna ia bebas dan tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Tetapi yang kedua ialah ia bebas untuk menyokong mana-mana parti politik terutama apabila berlaku pilihan raya. Maknanya ia tidak terikat, tapi pada setiap pilihan raya parti mana yang dilihat boleh memberi aspirasi yang sesuai dengan aspirasi Abim dan umat Islam... kita akan sokong. Itu sebab dasar non partisan Abim ini kebanyakannya orang tafsir berdasarkan orang yang masuk ke dalam parti-parti politik.

Pada 1970-an beberapa ahli Abim masuk Pas... seperti Datuk Fadzil Noor, waktu itu suasana kita gambarkan bahawa Pas boleh mewakili aspirasi Abim. Ketika itu kita rasa Umno, selepas kemerdekaan, konteks Islamnya kurang, tidak begitu nampak. Tetapi itu tidak bermakna Abim masuk Pas... tidak. Non partisan bermakna bebas boleh menyokong dan boleh tidak menyokong, tetapi itu juga bukan bermakna tidak ada pendirian... pendirian kita berdasarkan suasana yang mana lebih menguntungkan umat Islam.

Kemudian pada 1980-an, ada kaitan dengan Anwar Ibrahim masuk Umno, kita lihat ada perubahan dan Umno bersedia untuk memberi ruang untuk Islam berkembang apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad naik dan melaksanakan nilai-nilai Islam, memberi komitmen kepada penubuhan Bank Islam, Universiti Islam.

Bila berlaku krisis pada 1998, Abim mendakwa berlaku pelanggaran hak asasi yang terlalu luar biasa apabila Anwar dipecat begitu saja dan memandangkan beliau orang nombor dua dalam parti boleh diperlakukan begitu. Ini menimbulkan ketakutan.

Memang timbul satu ketakutan dan kita rasa ini tidak boleh dan tidak betul. Jadi kita mengkritik dasar yang kita anggap tidak akan membantu untuk Malaysia lebih maju dan kita tubuhkan gerakan reformasi. Anwar Ibrahim dipecat pada 2 September, 6 haribulan kita lancarkan gerakan reformasi di Kajang, 20 haribulan Anwar ditangkap, 21 haribulan saya ditangkap pula. Maknanya tak sempat nak buat apa-apa.

Mengapa kita mengambil tindakan demikian? Ini adalah kerana kita berpendapat bahawa kuasa tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya, mesti ada `check and balance'. Jadi bila saya keluar (penjara), kita nampak gerakan reformasi ini tidak boleh dipimpin oleh parti, ia akan jadi `destructive' sebab kalau gerakan reformasi dipimpin oleh parti maka gerakan itu akan digunakan dan bertujuan untuk menjatuhkan pemerintah bagi membolehkan dia memerintah... jadi approachnya adalah untuk menghancurkan.

Jadi ini adalah 'politic destructive', kalau unsur politiking dibawa bersama. Sebab itu, bila Abim memimpin tak sempat matang, kami telah disumbat dalam penjara dan disebabkan wujud 'vacuum' (kekosongan) Pas ambil alih. Kami tidak kesal keadaan itu, kerana memang berlaku vacuum dalam kepimpinan... jadi dimensi itu sudah menjadi politikal.

Bila kami keluar, kami menubuhkan Adil atau awalnya Pergerakan Keadilan Sosial, satu pergerakan yang berasaskan NGO tetapi dinafikan pendaftaran sampai sekarang. Jadi kerana dinafikan, ahli-ahli Abim mengambil keputusan untuk menubuh parti. Maknanya sebab ruang tak ada tapi momentum mood begitu kuat dan untuk tubuh satu lagi NGO tak boleh, maka kami tubuhkan sebuah parti oleh beberapa pemimpin dengan membeli sebuah parti dari Terengganu iaitu Parti Ikatan dan ditukar menjadi Parti Keadilan.

Tapi Abim tetap Abim, yang menyertai Keadilan adalah orang-orangnya. Ia ditubuhkan pada 4 April, 1999. Awalnya ramailah orang-orang Abim, kerana Abim yang memulakannya. Pada pilihan raya 1999, Abim mengambil keputusan untuk mendokong parti Keadilan kerana kita berpandangan ini satu percubaan yang mana tidak ada satu parti berbilang kaum yang berteraskan Melayu Islam... yang ada parti berbilang kaum berteraskan Cina (Gerakan, DAP) dan India (PPP), Kadazan (PBS). Jadi, kita mendokong Keadilan atas dasar memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Suasananya itu memerlukan satu reformasi. Isu terlampau banyak. Selepas pilihan raya ternyata sokongan Melayu terhadap Umno untuk pertama kali telah beralih, sehingga BN terselamat kerana undi Cina.

Keadaannya berterusan dan bagi Abim jika pilihan raya setahun sekali bolehlah kita ambil pendekatan politiking, tetapi kalau pilihan raya sampai lima tahun, habis pilihan raya kita kempen seolah-olah pilihan raya setiap tahun, jadi kami insaf ia sudah menjadi satu masalah besar. Kerana itu kami kena mengkaji semula kedudukan kami. Saya tidak mahu bincang masalah dalaman Keadilan, tetapi pada mesyuarat pemilihan di Kemaman ternyata pendekatan yang dibawa oleh Abim berdasarkan ummah ini nampaknya tidak berkesan dan kedua, orang Abim tak berapa pandai berpolitik cara pancing. Itu kita akui kerana kami tidak berapa pandai lobi melobi. Kami ini orang dakwah, jadi agak malu-malu alah untuk mengangkat diri, sebab kita dalam dakwah berpegang kepada pendirian bahawa pemimpin itu jangan diheboh-heboh, tapi kadang-kadang terbawa-bawa juga. Kadang-kadang tangan kanan memberi, tangan kiri tak tahu. Kebaikan kita itu jangan bising-bisingkan, tapi dalam politik kebaikan itu kita kena isytiharkan. Dalam dakwah aib orang kita kena tutup, tapi dalam politik aib orang kita kena dedah, jadi situasi itu menimbulkan satu dilema di kalangan ahli-ahli Abim. Ramai yang komplek kerana berasa tak berkah masuk dalam politik, ia bertentangan dengan jiwa sebagai dakwah.

Kerana dihurung dilema ini, masa pilihan raya (pemilihan parti) kita kalah. Habis semua kalah, dua tiga orang saja menang. Jadi berdasarkan pengalaman teman-teman yang agak ramai menubuhkan parti politik ini... ini adalah kali pertama ahli Abim masuk parti politik secara beramai-ramai, dulu sikit-sikit saja.

Menubuhkan parti ini adalah satu pengalaman yang luar biasa, bila berlaku kekalahan ramai di kalangan ahli yang sudah terbabit, mulai menilai ini suatu eksperimen yang sangat berharga dan mengingatkan kami bahawa Abim ini ditubuhkan untuk gerakan dakwah, bukan sebagai satu parti politik kerana kita tidak ada 'cutting' sebagai ahli politik. Ini mengajar kita peranan Abim sebagai gerakan dakwah itu jauh lebih berkesan daripada partisan politik. Politik ini juga mengajar kita bahawa Abim boleh berpolitik tapi sebagai gerakan dakwah, pendekatannya 'win win formula' iaitu orang yang kita tegur tidak rasa dimalukan dan yang kita sokong tak berasa bangga. Bukan pendekatan 'win loose', kerana itu pendekatan parti politik.

Saya tertarik dengan kenyataan anda tidak lama dahulu iaitu Keadilan ini habis manis sepah dibuang. Apa maksud anda?

Inilah masalahnya seperti saya katakan tadi, bukan budaya Abim untuk bertindak sebagai ahli politik. `Cutting' Abim `cutting' dakwah, bukan `cutting' ahli politik. Jadi, bila berlaku persaingan merebut kuasa kita cuba walaupun orang tuduh macam-macam, tuduh juga untuk membawa pendekatan `win-win' supaya jangan kata orang tu terlampau tajam pertembungannya. Tapi, nampaknya kurang berjaya dan akhirnya inilah yang terjadi.

Macam mana anda melihat Keadilan sekarang apabila semakin ramai tokoh awal keluar?

Kalau Chandra cuba membawa politik baru, kita pun mendokong gerakan politik baru tapi oleh kerana ia hanya sebuah parti politik biasa, harapan kita supaya membawa gerakan politik baru itu meleset. Harapan kita ialah untuk memiliki sebuah parti yang berakhlak, bermaruah tapi dengan segala kenafian kita dalam parti politik kita kena mengakui bahawa kita belum benar-benar bersedia untuk menentang sebagai ahli politik sebenar, seperti untuk menggunakan duit, menyebarkan pengaruh dengan cara-cara pandai menonjolkan diri... kita kurang pandai dalam bab itu. Tapi ia adalah pengalaman yang baik maknanya politik seperti itu masih belum untuk kami.

Maknanya parti Keadilan tidak ada bezanya dengan parti politik lain?

Ya, maknanya kita nampak parti Keadilan ini berfungsi seperti parti politik biasa, yang tidak ada kelainan dan istimewanya. Mungkin satu ilusi untuk kita (Abim) untuk menubuh sebuah parti politik yang bersih, berakhlak.. kita pun terpalit sama tanpa sedar. Ini adalah realiti dan pengalaman teman-teman.

Walaupun telah dijelaskan tadi, tapi saya masih rasa pelik dengan Abim yang patutnya sekadar menjadi NGO tetapi membabitkan diri dalam parti politik. Patutnya anda tidak berpihak...

Non partisan itu bermakna kita boleh menyokong `base on issue'. Jadi isu Anwar isunya valid. Orang sekarang menilai Abim bila kritik kerajaan, maknanya dianggap sebagai antikerajaan. Tapi kita tidak. Malahan, kita sudah membuktikan ada masa kita sokong ada masa kita tidak menyokong kerajaan. Kita pernah menyokong Pas, Umno dan Keadilan.

Tetapi sebagai contoh sekarang, selepas berlaku serangan 11 September, 2001 di New York, dengan kita lihat AS mulai merealisasikan konsep `one world one government' (lihat buku One World Rule By Secrecy), dengan konsep ini satu kerajaan ini ada pula `hidden forces' yang menguasainya yang kita tahu iaitu zionisme, tapi tidak boleh nak bukti.

Jadi bermakna suasana sudah bertukar, suasana ini memerlukan umat Islam bersatu kerana ada musuh yang lebih besar... kita kena bersatu. Maknanya, sekarang bukanlah masanya untuk kita jatuh menjatuhkan. Kita ini umpamanya sebuah pulau, dua kumpulan sedang bergaduh mengenai siapa patut menjadi ketua. Tiba-tiba datang kuasa luar yang datang hendak menakluk pulau kita. Keutamaan bagi pulau itu ialah untuk bersatu hadapi musuh yang nak datang. Sepatutnya begitu dan adalah malang kalau kita tahu musuh hendak datang, kita masih bergaduh juga. Kita tidak fikir itu semua, kita tidak ambil perkiraan itu semua, sebaliknya kita terus memastikan kita yang benar, kita yang betul untuk berkuasa... ini adalah sesuatu yang malang. Oleh itu, Abim sekali lagi berpandangan bahawa umat Islam di alam Melayu khususnya perlu ada ijtihad baru dalam berpolitik. Keutamaan kita sekarang ialah menghadapi kuasa asing.

Kemelut politik sejak 1998 menyaksikan Melayu berpecah belah tapi sekarang selepas 911 keadaan mula berubah, bangsa asing kelihatan panik tapi masih ramai Melayu tidak sedar. Jadi bagaimana anda melihat senario politik sekarang terutama di kalangan Melayu yang tidak sedar pertelingkahan sesama Melayu ini boleh membawa kepada padah yang buruk pada masa depan.

Beginilah, saya lihat ini bukan masalah kita hendak bertepuk kena dua belah tangan. Jadi saya lihat Pas memberi reaksi daripada serangan Umno dan Umno memberi reaksi daripada serangan Pas. Dan saya nampak politik orang Melayu berbanding dengan politik orang Cina jauh beza. Politik Melayu bersifat perpolitikan destructive (memusnah), tapi politik orang Cina bersifat konstruktif dalam isu bersama mereka bersama, dalam isu tak bersama mereka tak bersama... tapi ada isu yang mereka pasti akan bersama.

Ini satu perkara mahu tak mahu kita kena akui. Ambil isu bila Dr Mahathir isytihar negara Islam, Pas juga mahu negara Islam. Tapi bila pemerintah isytihar negara Islam, niat itu mesti disokong... ini adalah satu isu yang diinginkan bersama-sama. Jadi tak payah nak kita perleceh-lecehan kerana isunya adalah isu pengisian. Jangan kata yang ini tak elok dan yang ini lebih baik. Kerana Umno dah isytihar dan isunya elok, kita patut cari jalan macam mana nak sampai kepada deklarasi negara Islam. Kita sepatutnya `joint forces`, tapi ini tidak... kita memperlekehkan antara satu sama lain. Kita patutnya bijak dalam menangani masalah seperti ini. Jadi dalam isu seperti ini ada ruang untuk Abim berperanan, bukan hanya Abim tapi golongan intelektual lain yang melihat ada isu yang tidak patut hanya ditangani oleh orang politik semata-mata. Kami melihat masa depan umat Islam tidak boleh lagi diletak di tangan orang politik semata-mata.

Tapi masalahnya mereka yang membuat keputusan...

Betul, tapi maksud saya perlu ada kuasa ketiga yang bukan parti, tapi ia boleh mencipta `check and balance`. Semua pihak perlu menyedari realiti bahawa kita memang benar-benar diancam dan oleh itu kita kena bersatu. Kerana itu krisis politik dalaman orang Melayu sekarang patut menduduki tempat kedua, keutamaan sekarang ialah untuk negara kita selamat daripada ancaman. Untuk itu semua pihak kena bersatu dan mengukuhkan kestabilan negara... pokoknya mesti ada gencatan politik waktu ini. Semua pihak perlu diperkasakan, bukan diperlemahkan dengan isu sampingan. Isu utama kita sekarang ialah pastikan negara kita kuat dan tidak boleh diancam oleh sesiapa.

Kita juga lihat limpahan daripada tragedi 911 ialah Singapura bertambah kuat dan Filipina telah membenarkan AS masuk, Indonesia pula ada kelompok yang mendesak supaya konfrontasi dengan Malaysia. Ini adalah realiti yang kita kena terima... jadi keutamaan kita sekarang ialah kita perlu bersatu. Kita tidak ada masa untuk berpecah. Jadi kerana itu kena ada gencatan politik, serangan untuk Pas dan Umno perlu dihentikan. Mahu tidak mahu kita kena pertahan negara kita dan yang memimpin negara hari ini ialah D Mahathir Mohamad, kita terpaksa mengurangkan ketegangan supaya seluruh Melayu bersatu untuk menghadapi sebarang ancaman yang sedang mendatang.

Apa pendapat anda mengenai Dr Mahathir sekarang?

Beliau sudah memerintah 20 tahun dan pengalaman pemerintahan beliau itulah yang mengajar beliau untuk mentadbir. Kita berpandangan, secara berbanding kepimpinan Dr Mahathir dengan negara-negara Islam lain, beliau dihormati semua pihak. Saya tidak pernah dengar lagi ada yang mengkritik beliau dan menganggap beliau dengan tuduhan yang tak patut. Beliau telah mendapat penghormatan yang tinggi. Jadi suka tak suka, kita juga kena mengakui hakikatnya.

Saya dapat melihat ironi yang dialami Dr Mahathir kerana disanjung di luar negara, malahan ada rakyat Jepun tidak lama dulu berkata jika mereka mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir, Jepun mungkin boleh maju lebih jauh (Jepun mempunyai 12 Perdana Menteri dalam tempoh 20 tahun lalu), tetapi rakyat Malaysia sendiri ada yang tidak menghargai beliau. Apa pandangan anda?

Ya, Dr Mahathir telah membawa negara kita ke satu tahap yang kita suka tidak suka, ke tahap yang boleh dikatakan selesai. Tidak menafikan beberapa tindakannya yang dianggap kontroversi, itu kita sentiasa faham. Tapi

secara umumnya orang boleh menerima beliau. Kerana ini biasa mentaliti kita yang lebih menghargai bomoh luar daripada bomoh kampung sendiri. Seperti dalam kampung kita ada bomoh yang baik, tapi kita tak tahu ataupun kita tak nak pergi. Kita nak bomoh luar juga walaupun bomoh itu `inferior'. Kita sentiasa melihat bomoh di luar... itu realitilah.

(END)